

21/05/2003

Amerika sangkal dakwaan Malaysia akan `dihukum`

KUALA LUMPUR: Amerika Syarikat menyangkal dakwaan bahawa Malaysia berada dalam senarai bersama beberapa negara maju untuk dihukum berikutan kelantangannya mengecam beberapa dasar pentadbiran Presiden George Bush.

Jurucakap Kedutaan Amerika Syarikat di sini, Frank Whitaker, berkata Malaysia tidak pernah diletak dalam sebarang senarai harus dikenakan tindakan negara itu, kerana mengutuk pencerobohan tentera Amerika Syarikat

serta sekutunya ke atas Iraq.

"Tidak, Malaysia tidak pernah berada dalam apa-apa senarai (hit list) Amerika Syarikat dan kita sudah menyatakan perkara itu sebelum ini.

"Setakat ini, belum ada perubahan dibuat berhubung keadaan itu," katanya

ketika dihubungi, semalam.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Malaysia mungkin dikenakan tindakan berikutan kelantangan negara ini menentang beberapa dasar Amerika Syarikat, terutama pencerobohan terhadap Iraq.

Katanya, ini kerana sebelum ini ada disebut negara yang menolong Amerika

Syarikat akan diberi layanan istimewa manakala yang tidak menolong akan didera, termasuk Perancis, Jerman dan Russia.

Mengulas perkara sama, Pengarah Eksekutif Pusat Penyelidikan Strategik Malaysia (MSRC), Abdul Razak Baginda, berkata hubungan dua hala Amerika Syarikat-Malaysia selama ini merangkumi sektor perdagangan, ekonomi dan pendidikan, tidak memungkinkan negara maju itu mengambil tindakan yang merugikan.

Beliau berkata, kenyataan itu lebih cenderung berbentuk pendirian politik dan emosional ketika Amerika Syarikat berdepan dengan tekanan masyarakat antarabangsa berikutan keangkuhannya untuk terus menyerang Iraq

dengan bantuan tentera sekutu walaupun tanpa restu Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

"Ia (hukuman ke atas Malaysia) tidak mungkin berlaku kerana Amerika Syarikat bakal menghadapi kesan ekonomi yang teruk, terutama jika sekatan

dagang dilakukan dengan negara maju seperti Jerman, Perancis dan Russia,"

katanya.